

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 27 JUN 2016 (ISNIN)

Bil	Tajuk	Akhbar
1	'172 R&D products commercialised since 2014'	New Straits Times
2	Makmal Benua Kutub	Utusan Malaysia
3	Teroka penyelidikan baharu	Utusan Malaysia
4	Ekspedisi cabaran saintis Malaysia	Utusan Malaysia
5	Baju Hari Lebaran	Utusan Malaysia
6	Hukum pesalah pedofilia ikut syariah	Berita Harian

'172 R&D products commercialised since 2014'

MALACCA: A total of 172 products from research and development (R&D) have been commercialised from 2014 to March this year, said **Science, Technology and Innovation Deputy Minister Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah**.

He said most of them were biotechnology, pharmaceutical and electronic products that would deliver a major impact to the country, particularly in the R&D product commercialisation industry.



Science, Technology and Innovation Deputy Minister
Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah

"All the products were produced through grants from various ministries and are not confined to products produced through the Ministry of Science, Technology and Innovation grants," said Abu Bakar after the Innocraft (Sirim) breaking of fast function, here, on Saturday.

Through the 2016 Malaysia Commercialisation Year Committee, some 360 products are expected to be commercialised by 2020.

Abu Bakar said RM32.28 million has been spent under the 11th Malaysia Plan to support various R&D activities in the country. **Berna-**
ma

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (MEGA FOKUS) : MUKA SURAT 1
TARIKH : 27 JUN 2016 (ISNIN)

ISNIN 27.06.16

UTUSAN MALAYSIA
Mega

f mega utusan malaysia



Saintis Malaysia
terus menyahut
cabaran
menjalankan
penyelidikan
di Antartika

**MAKMAL
- BENUA
KUTUB**



fokus f mega sains dan teknologi

Teroka penyelidikan baharu

Penyelidik tempatan
wajar meneruskan usaha
menjalankan penyelidikan
di Antartika

FAKTA SISTEM TRITI ANTARTIKA (ATS)

- Pada tahun 1990-an semasa peringkat penerokaan Antartika, banyak negara membuat tuntutan ke atas benua tersebut sehingga menimbulkan perselisihan.
- Selepas Tahun Geofizikal Antarabangsa (IGY) 1957, ATS telah digubal untuk menjadikan Antartika sebagai kawasan keamanan dan sains.
- Triti Antartika telah ditandatangani di Washington (AS) pada 1 Disember 1959 oleh 12 buah negara yang ahlinya telah aktif di Antartika dan sekelilingnya semasa IGY 1957 hingga 1958.
- ATS mula dikuat kuasa pada tahun 1961 dan telah dipersetujui negara-negara lain. Jumlah bilangan pihak triti terkini adalah 50.
- Satu aspek ATS adalah ia mempunyai keanggotaan dua peringkat iaitu yang pertama sebagai pihak perunding dan yang kedua sebagai pihak bukan perunding.
- Sistem dua peringkat dibangunkan bagi membezakan 12 negara asal yang telah menyertai IGY dan telah menunjukkan penglibatan saintifik dan signifikan daripada yang lain, manakala negara status bukan perunding hanya boleh ikut serta sebagai pemerhati dalam Mesyuarat Perunding ATS.
- Walau bagaimanapun, negara yang menunjukkan penglibatan saintifik yang signifikan dan mampan di Antartika boleh memohon untuk menjadi pihak perunding.

Oleh LAUPA JUNUS dan
NUR FATIEHAH ABDUL RASHID

ADA sebab mengapa saintis Malaysia terlibat dalam penyelidikan di benua Antartika dan kita perlu menyokong supaya mereka menjadikan benua itu sebagai makmal semula jadi.

"Saya sentiasa menyokong kewajaran Malaysia terlibat dalam aktiviti penyelidikan di Antartika atas beberapa sebab antaranya benua tersebut berperanan penting dalam mengawal iklim dunia.

"Oleh itu sebarang perubahan di benua ini akan memberi kesan termasuk kepada Malaysia."

Demikian pendapat penyelidik Pusat Pengajian Sains Perikanan dan Akuakultur Universiti Malaysia Terengganu (UMT), **Dr. Wan Mohd. Rauhan Wan Hussin**.

Menurut beliau, jika berlaku sebarang perubahan di benua tersebut seperti pencairan ais maka suhu laut akan meningkat.

Dalam masa sama, persekitaran cuaca Antartika boleh dijadikan sebagai perbandingan dengan persekitaran lain termasuk tropika bagi sebarang kajian untuk melihat perbezaan impaknya



DR. WAN MOHD. RAUHAN WAN HUSSIN menunjukkan sampel yang dikutip dari Antartika.

dengan dua persekitaran berbeza itu.

Apatah lagi kata beliau, persekitaran benua tersebut tidak terlalu tercemar. Oleh itu, kajian tentang fungsi dan aktiviti organisma dalam ekosistem Antartika dilihat lebih memberi gambaran yang sebenar berbanding di persekitaran lain yang lebih tercemar dan terganggu.

Justeru, beliau bersetuju supaya lebih banyak saintis tempatan berkunjung ke sana sebagai penyelidik sama ada penyelidikan persendirian atau bekerja sama dengan saintis luar negara.

Dr. Wan Mohd. Rauhan merupakan antara puluhan saintis tempatan yang pernah ke benua berkenaan bagi tujuan ekspedisi dan menjalankan penyelidikan. Bidang penyelidikan tumpuan beliau adalah berkaitan dengan organisma bentos atau yang hidup di dasar sistem akuatik.

Kepakaran beliau telah membawanya menjalankan kajian dalam bidang berkenaan di Antartika sebanyak dua kali.

Kajian pertama beliau bertajuk *Fungsi Ekosistem Bentik Bawah Keadaan Iklim Berbeza di Wilayah Kutub* yang dijalankan dengan kerjasama Korea Polar Research Institute (KOPRI) pada Disember 2013 Januari 2014.

Penyelidikan beliau yang dijalankan di Stesen penyelidikan King Sejong, Antartika bersama seorang penyelidik negara tersebut, Dr. Ahn In-Young dibiayai oleh dana Yayasan Penyelidikan Antartika

Sultan Mizan (YPASM), selain bantuan kewangan dan hospitaliti daripada KOPRI sendiri.

"(Tujuan) penyelidikan saya adalah bagi mencari impak pencairan glasier akibat perubahan iklim ke atas fungsi komuniti bentos atau hidupan yang berada di dasar.


"Dalam kajian ini saya juga mengambil data parameter lain yang berubah akibat pencairan glasier seperti suhu air laut, saliniti (tahap kemanisan) dan kekeruhan di satu kawasan dinamakan Marian Cove, bahagian barat Semenanjung Antartika," katanya.

Oleh kerana penyelidikan tersebut juga melibatkan pihak Korea, selaku penaja utama, semua sampel yang dikutip semasa kajian dibawa balik pelajar Korea untuk dianalisis.

Sampel yang dikutip dengan bantuan penyelam adalah pelbagai bentuk dan jenis antaranya termasuklah sedimen, organisma dan air.

Kunjungan beliau kali kedua ke benua berkenaan adalah pada 18 Januari hingga 8 Februari lalu bersama tujuh lagi penyelidik tempatan melibatkan 22 hari perjalanan. Ekspedisi tersebut kata beliau bermula di Pelabuhan Ushuaia, Argentina menjelajah ke lapang lokasi di sana dengan jarak perjalanan 4,000km dari Punta Arenas.

Menurut Dr. Wan Rauhan, ekspedisi



DR. WAN MOHD. RAUHAN lengkap berbaju Melayu semasa berada di Graham Coast, Antartika sebelum berpatah balik akibat masaiah bongkah ais terapung.



ANTARA spesimen yang dikutip seperti krustasia, siput dan tapak sulaiman.

SAMBUNGAN...

UTUSAN MALAYSIA (MEGA FOKUS) : MUKA SURAT 3

TARIKH : 27 JUN 2016 (ISNIN)



DR. WAN MOHD. RAUHAN WAN HUSSIN bersama Dr. Ahn In-Young menjalankan penyelidikan di Antartika pada 2014.

SENARAI LAPAN PENYARAH KE ANTARTIKA PADA 18 JANUARI HINGGA 8 FEBRUARI 2016

- Dr. Mohamad Huzaimy Jusoh (UiTM) - Kajian sains elektromagnetik bumi terhadap perubahan cuaca.
- Dr. Wan Mohd. Rauhan Wan Hussin (UMT) - Kajian bidang ekosistem dan biodiversiti Antartika.
- Dr. Mohd. Shahruel Mohd. Nadzir (UKM) - Mengumpul data sains atmosfera.
- Dr. Goh Thian Lai (UKM) - Mengumpul data bidang sains bumi.
- Dr. Emienour Muzalina Mustafa (UM) - Bidang sains ekologi dan biologi.
- Dr. Foong Swee Yeok (USM) - Kajian sains biologi.
- Muhammad Hilal Mohd. Zainudin (USM) - Kajian sains bumi dan ekologi.
- Aniqah Zulfa Abdul Latif (IMU) - Sains bumi, kimia atmosfera dan sains biologi.

penyelidikan tersebut dibiayai geran penyelidikan YPASM dan kerjasama Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) bernilai RM450,000.

Kajian tersebut berkaitan taburan dan biodiversiti organisma bentos pada latitud (ketinggian) berbeza.

"Setiap stesen saya mengambil sampel sama ada terus dari kapal layar atau dengan menaiki bot kecil, kemudian menyambung pelayaran. Semua sampel ini saya bawa balik ke UMT untuk analisis dan menyiapkan laporan akhir," ujarnya.

Kini selepas mengharungi dua pelayaran dan berpengalaman menjalankan penyelidikan, Dr. Wan Mohd. Rauhan terlibat dengan kempen mengajak generasi mudah supaya menghargai alam sekitar.

Sebagai contoh beliau merupakan salah seorang panel dalam memilih pelajar ke Artik anjuran YPASM dan Kerajaan Negeri Terengganu.

Pada tahun lepas empat pelajar dan dua orang guru pengiring telah terpilih ke benua di Kutub Utara manakala dua pelajar dan seorang guru akan dipilih pada tahun ini.



Ekspedisi cabaran saintis Malaysia

BENUA Antartika adalah salah satu lokasi penuh misteri yang menjadi rebutan kuasa dunia termasuk pengkaji dari negara maju untuk menjadikannya sebagai sebuah lapangan kajian sains.

Malaysia juga tidak ketinggalan untuk menjadi salah sebuah negara pengkaji utama di benua tersebut sejak kali pertama ekspedisi saintifik dan penyelidikan sains kutub itu yang merupakan kesinambungan daripada penglibatan saintis tempatan sejak tahun 1999 lagi.

Sebagai sebuah negara yang bergiat aktif dalam penyelidikan Antartika, penyertaan Malaysia dalam Sistem Tritis Antartika (ATS) pada 31 Ogos 2011 merupakan satu langkah untuk terus menggalakkan minat Malaysia dalam kemajuan sains di kawasan kutub. Seterusnya, bagi mencapai status sebagai Pihak Perunding ATS, Malaysia perlu membuktikan komitmen dengan menjalankan kajian saintifik di Antartika secara aktif serta berterusan dan ini telah ditunjukkan menerusi penglibatan

saintis Malaysia selama ini.

Penyertaan Malaysia dalam ATS membolehkan penyelidik Malaysia memperhebat penglibatan mereka dalam bidang penyelidikan kutub dan bersama-sama dengan komuniti saintifik antarabangsa untuk menyumbang pengetahuan baharu dan meluaskan ilmu dalam bidang penyelidikan berkenaan.

Mengenai ekspedisi terkini itu, ketua ekspedisi yang juga pensyarah kanan Fakulti Kejuruteraan Elektrik UiTM, **Dr. Mohamad Huzaimy Jusoh** berkata, kapal layar Australia yang disewa khas daripada sebuah syarikat yang berpangkalan di Australia digunakan sepanjang 22 hari pelayaran itu.

"Kapal layar digunakan dalam ekspedisi ini kerana ia lebih relevan dalam melakukan aktiviti persampelan selain lebih mudah untuk mengakses kawasan tertentu yang terlibat dalam kajian saintifik masing-masing.

"Tiga orang anak kapal turut disediakan bagi membantu kumpulan kami sepanjang ekspedisi ini," katanya kepada pemberita ketika ditemui di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Sepang baru-baru ini.

Menurutnya, antara cabaran utama yang akan dilalui sepanjang pelayaran itu adalah keadaan cuaca yang tidak menentu kerana boleh berubah secara mendadak sehingga mampu mencecah negatif lima hingga negatif 24 Celsius walaupun telah memasuki musim panas.

"Oleh itu pasukan kami telah membuat persediaan awal dengan membuat perancangan rapi sejak tahun 2014.

"Disebabkan penyelidikan dilakukan seratus peratus di atas kapal layar, maka persediaan dari segi mental, fizikal, kecergasan, kelengkapan peralatan kajian, aspek keselamatan, pemakanan

dan sebagainya sangat dititikberatkan," jelasnya.

Tambah Mohamad Huzaimy, apa yang diharapkan daripada ekspedisi tersebut adalah penyelidikan mereka dapat memberi impak dalam pelbagai bidang kajian sains untuk masa hadapan.

"Kami juga mahu berkongsi ilmu pengetahuan, pengalaman selain membawa nama negara ke dalam dunia sains seterusnya membawa hasil penyelidikan negara ke tahap yang lebih tinggi," katanya.

Dalam pada itu, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) selaku Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah YPASM, **Datuk Madius Tangau** berkata, program yang dijalankan itu adalah sebahagian daripada usaha

berterusan bagi memastikan kehadiran Malaysia di benua ais itu terus mampan.

"Kita sedia maklum bahawa kesan perubahan iklim dan pemanasan global tidak lagi boleh dipandang ringan kerana kesannya adalah sangat nyata dan rakyat Malaysia tidak terkecuali menerima akibatnya.

"Dari aspek ini, wilayah polar (kutub) iaitu Antartik dan Artik merupakan kawasan yang amat sesuai untuk pemantauan perubahan iklim kerana kadar pemanasan di wilayah ini lebih tinggi dari kawasan lain di dunia.

"Melalui ekspedisi ini, kita telah menerima petunjuk bahawa penyelidikan saintifik di Antartika berupaya menghasilkan penemuan-penemuan terkini ilmu sains yang berpotensi membawa kebaikan kepada alam sekitar dan manusia sejagat.

"Diharapkan kajian daripada penyelidik-penyelidik ini akan dapat menghasilkan ilmu dan pengetahuan baharu bagi membantu masyarakat tempatan dan antarabangsa untuk lebih memahami fenomena perubahan iklim," katanya.

INFO

- Melibatkan kerjasama daripada beberapa agensi antarabangsa seperti International Center for Space Weather Science and Education (ICSWESE), Kyushu University, Korean Polar Research Institute (KOPRI) dan University of Cambridge.
- Melibatkan lapan lokasi kajian yang telah dikenal pasti di benua Antartika termasuk King George Island, Greenwich Island, Deception Island, Davis Coast, Danco Coast, Graham Coast, Adelaid Island dan Barry Island.

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (SEMARAK RAMADAN) : MUKA SURAT 9
TARIKH : 27 JUN 2016 (ISNIN)



BAJU HARI LEBARAN

KETUA Pegawai Eksekutif CyberSecurity Malaysia, Dr. Amiruddin Abdul Wahab (tiga dari kiri) bertanyakan sesuatu kepada penghuni Rumah Anak Yatim Bait Al-Amin Kampung Tengah Parit semasa membeli baju raya di Ipoh, Perak, semalam.
-UTUSAN/KAMAL BASIR WAHAB

Hukum pesalah pedofilia ikut syariah

➔ IKRAM syor gubal undang-undang baharu selamat mangsa penderaan

Oleh Nadia Hamid
nnadia@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Pertubuhan Ikram Malaysia (IKRAM) mendesak kerajaan menghukum pesalah pedofilia ikut undang-undang syariah berikutan tiada peruntukan hukuman berat jenayah itu dalam undang-undang tempatan.

Ia juga disebabkan kelonggaran penguatkuasaan Akta Kanak-Kanak 2001 melindungi kanak-kanak teraniaya dan menangani kes jenayah seumpamanya, kata badan bukan kerajaan (NGO) itu.

Ketua Wanita IKRAM, Datin Paduka Che Asmah Ibrahim, berkata pihaknya yakin campur tangan pelbagai pihak terbabit dengan mengadakan sidang meja bulat berupaya mencari penyelesaian,

selain mewujudkan undang-undang baharu menyelamatkan mangsa pedofilia daripada kesan penderaan dan penyeksaan berterusan.

Hingga kini, agensi kerajaan dan swasta antaranya Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dan Persatuan Peguam Syarie bersetuju menawarkan kerjasama, sekali gus membincangkannya dalam masa terdekat.

Bincang kaedah sesuai

"Perundangan sedia ada masih gagal dan ketinggalan dalam menangani isu ini. Justeru, pakar syariah termasuk ulama IKRAM perlu duduk semeja mencari kaedah dan cadangan hukuman bersesuaian berlandaskan syariat Islam.

"IKRAM mahu hukuman bakal dikenakan kepada pesalah nanti hendaklah hukuman lebih berat

dan setimpal dengan kesalahan dilakukan berikutan setiap kesan kesalahan pesalah turut mengancam masa depan mangsa," katanya pada Wacana Intelktual Wanita dan Syariah - Pedofilia: Sejauh Mana Kita Diancam?

Turut membincangkan wacana itu, pakar psikiatri kanak-kanak dan remaja, Hospital Selayang, Dr Norharlina Bahar, Pengurus Besar Pengurusan Strategi dan Kualiti, Jabatan Forensik Digital, Cybersekuriti Malaysia, Sarah Khadijah Taylor dan Pengerusi Mothers Against Pornography, Wanita IKRAM Malaysia, Dr Shamsuriani Md Jamal.

Che Asmah berkata, pesalah pedofilia perlu diasing daripada masyarakat, selain menjalani rawatan psikologi susulan kerana kecelaruan identiti.

"Kita tidak boleh membiarkan pesalah sekadar menjalani hukuman tertentu tanpa mewajibkan rawatan bersesuaian berikutan pesalah berisiko melakukan kesalahan berulang. Pelbagai faktor berisiko mendorong jenayah kerana mereka mungkin pernah menjadi

Info

Resolusi Wacana Intelktual Wanita dan Syariah - Pedofilia : Sejauh Mana Kita Diancam?

➔ **1. Mendidik anak** mengenai pendidikan seksual dengan mewujudkan komunikasi terbuka.

➔ **2. Mendidik anak dengan** jati diri yang baik dan berprinsip.

➔ **3. Mengawasi hubungan** anak dengan orang sekeliling dan tidak memandang ringan ancaman ahli keluarga terdekat.

➔ **4. Berusaha membimbing** anak melayari internet, siaran televisyen serta bahan bacaan secara sihat.

➔ **5. Prihatin membentuk** suasana yang selamat dan harmoni di kawasan kejiranan masing-masing.

➔ **6. Meningkatkan kesedaran dan ilmu** mengenai pedofilia dan ancaman perkembangan teknologi kepada kanak-kanak.

➔ **7. Memerhati 'tanda-tanda amaran'** pada kanak-kanak dan remaja: Perubahan tingkah laku, perubahan emosi, perubahan tidur, perubahan kelakuan seksual.

➔ **8. Majikan beri perhatian** untuk membuat saringan personaliti dan karakter ke atas bakal pekerja yang terbabit dalam pengendalian kanak-kanak.

➔ **9. Bekerjasama dengan agensi** serta badan-badan yang berkaitan untuk menjayakan kempen kesedaran menyeluruh.

➔ **10. Menggesa** pihak kerajaan memberi perhatian lebih serius isu berkaitan kawalan punca menyumbang kepada gejala pedofilia dan gejala seksual lain.